UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PROSIDING



Seminar INSIGHTS 2002
Universiti Teknologi MARA

BRC (Biro Penyelidikan & Perundingan), Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam

Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor
Malaysia

© 2001. Biro Penyelidikan dan Perundingan. Hak cipta Terpelihara.

Sila majukan sebarang pertanyaan kepada:

Penolong Naib Canselor(Penyelidikan)
Biro Penyelidikan dan Perundingan
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor, Malaysia

Tel : 603 5544 2094 / 2093 / 2092
Fax : 603 5544 2096
e-mel : azniz132@salam.uitm.edu.my



Jawatankuasa Penyunting

Penaung	:	Y. Berbahagia Datuk Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah Naib Canselor Universiti Teknologi MARA
Penasihat	:	Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Abdul Halim Mohd.Nawawi Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Penyelidikan Universiti Teknologi MARA
Ketua Penyunting	:	Prof. Dr. Azni Zain Ahmed Penolong Naib Canselor(Penyelidikan) Universiti Teknologi MARA
Penyunting	:	Prof. Madya Dr. Zainon Mohd. Noor Koordinator Penyelidikan (Sains dan Teknologi) Prof. Madya Dr. Rosmimah Mohd.Noor Kooordinator Penyelidikan (Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan)
Lembaga Penyunting:		Prof. Madya Ir. Dr. Hj. Abdul Rahman Omar Dr. Rashidah Abd. Rahman Cik Dapeah Ahmad

KAJIAN KEATAS PARA PELAJAR DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DI UiTM KAMPUS BUKIT MERTAJAM YANG MEMPEROLEHI HPNG MELEBIHI 3.00

Nooritawati Md Tahir
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

ABSTRAK

Kajian ini adalah satu usaha awal untuk mengkaji tentang beberapa faktor berkaitan dengan pelajar-pelajar Program Diploma Kejuruteraan Elektrik UiTM khususnya di Cawangan Pulau Pinang Kampus Bukit Mertajam yang telah terbukti mempunyai pencapaian cemerlang di dalam peperiksaan, iaitu para pelajar yang telah memperolehi Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) melebihi 3.00 dalam peperiksaan Oktober 2000. Data-data mengenai latarbelakang akademik, latarbelakang keluarga, tahap penggunaan para pelajar terhadap kemudahan perpustakaan, tahap perhubungan para pelajar dengan pensyarah, kaedah pembelajaran, penglibatan para pelajar dalam kegiatan ko-kurikulum dan aktiviti sosial diperolehi secara soalselidik daripada para pelajar ini. Kajian ini telah dapat mengenal pasti faktor-faktor negatif yang harus ditangani dan juga faktor-faktor positif yang menyumbang kepada pencapaian cemerlang dalam bidang akademik.

PENGENALAN

Pendidikan telah lama di terima sebagai salah satu faktor yang penting dalam pembangunan sesebuah negara. Di Malaysia, kerajaan telah menyediakan peruntukan belanjawan sebanyak 25 – 30 peratus setiap tahun untuk pendidikan. Kejayaan dalam bidang pendidikan seseorang masih diukur daripada pencapaian akademik individu dalam suatu peperiksaan dan pencapaian ini digunakan sebagai pemilihan untuk seseorang itu untuk di terima melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Pada hari ini, kajian demi kajian telah dilakukan di peringkat antarabangsa dan tempatan oleh para ilmuan untuk melihat korelasi pencapaian akademik dengan faktor-faktor lain di dalam kehidupan. Kajian-kajian tersebut telah menjadi asas kepada pelbagai pembaharuan seperti kaedah pembelajaran yang lebih berkesan dan membantu dalam memperbaiki dan meningkatkan bidang pendidikan, pengurusan sumber manusia dan psikologi.

Kajian ini agak istimewa kerana ianya mengkaji dan menyelidik pencapaian akademik para pelajar Melayu yang mengikuti Program Diploma Kejuruteraan Elektrik. Ini adalah satu usaha awal untuk mengenalpasti

faktor-faktor yang menyumbang kearah pencapaian akademik yang cemerlang agar matlamat UiTM khasnya dan kerajaan amnya untuk melahirkan jurutera yang akan mampu menjadi pemimpin industri masa hadapan. Disamping itu banyak kajian yang telah dilakukan mendapati pelajar Melayu tidak cemerlang di dalam bidang Kejuruteraan Elektrik contohnya pada Konvokesyen UM tahun 2000, daripada jumlah graduan seramai 75 orang, 25 orang merupakan graduan Melayu, tiada pelajar Melayu mendapat kelas pertama, manakala 22 orang bukan bumiputera mendapat kelas pertama, 11 orang mendapat Kepujian Kelas Kedua Tinggi berbanding 14 orang bukan bumiputera dan 14 orang mendapat Kepujian Kelas Kedua Rendah dan bukan bumiputera juga 14 . Pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dan pihak universiti untuk meningkatkan pencapaian pelajar Melayu dalam bidang akademik khususnya bidang kejuruteraan. Demikian, diharap kajian ini adalah satu usaha kecil penyelidik untuk menyambung usaha murni itu.

KEPERLUAN KAJIAN

Universiti Teknologi Mara (UiTM) merupakan sebuah universiti utama di negara ini yang menyediakan latihan profesional dan separa profesional khusus untuk pelajar bumiputera. Sejak ditubuhkan pada tahun 1956, UiTM telah melahirkan 140,000 orang graduan bumiputera dipelbagai peringkat kelulusan daripada pelbagai bidang.

UiTM Cawangan Pulau Pinang, di mana lokasi kajian ini dipilih, merupakan sebuah cawangan yang baru, telah memulakan sessi pengajian pada Jun 1996. Istimewanya tentang kampus ini ialah program yang ditawarkan di UiTM Cawangan Pulau Pinang hanya program diploma kejuruteraan. Bersesuaian dengan keperluan negara yang memerlukan lebih ramai tenaga kerja profesional dan separa profesional, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menambah enrolmen dari tahun ke tahun.

Daripada analisa, jumlah pelajar yang memperolehi pencapaian cemerlang didapati antara 15 – 18 peratus, tanpa mengetahui faktor yang menyebabkan perubahan tersebut. Oleh itu adalah perlu untuk mendapatkan faktor-faktor yang menyumbang ke arah pencapaian kecemerlangan akademik pelajar-pelajar ini yang mengikut program kejuruteraan elektrik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mendapatkan faktor-faktor utama yang membawa kejayaan pelajar-pelajar yang memperolehi HPNG melebihi 3.00 keatas di dalam peperiksaan yang telah diduduki pada peperiksaan Oktober 2000.

Objektif kajian ialah:

i) mengenal pasti faktor-faktor pendorong para pelajar yang memperolehi HPNG melebihi 3.00 dan mencari kepastian sejauhmana latarbelakang akademik, latarbelakang keluarga berkaitan dengan pencapaian akademik para pelajar ini.

ii) mengkaji sejauh mana kemudahan perpustakaan, hubungan dengan pensyarah, kaedah pembelajaran, penglibatan di dalam ko kurikulum dan persatuan berkaitan dengan pencapaian akademik para pelajar ini. iii) mengkaji tahap bersosial para pelajar ini sama ada hanya mementingkan akademik atau sebaliknya.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan yang dijalankan adalah berdasarkan soalselidik yang telah diedarkan kepada 94 responden. Responden terdiri daripada semua pelajar UiTM Kampus Cawangan Pulau Pinang yang telah berjaya memperolehi HPNG melebihi 3.00 ke atas pada peperiksaan Oktober 2000. Oleh kerana faktor-faktor yang menyumbang ke arah pencapaian akademik adalah agak luas, maklumat-maklumat yang diperlukan juga banyak. Data-data sekunder diperolehi daripada Bahagian Hal Ehwal Akademik daripada rekod peperiksaan akhir pelajar-pelajar.

KAEDAH PERSAMPELAN

Kumpulan populasi adalah semua pelajar program Diploma Kejuruteraan Elektrik daripada semester 2 ke atas yang telah memperolehi HPNG melebihi 3.00 dalam peperiksaan Oktober 2000. Walau bagaimanapun, borang soalselidik yang dapat dianalisis ialah sebanyak 68 borang sahaja, iaitu 72% daripada jumlah kesemua responden yang dirancang. Ini adalah kerana ada beberapa soalan yang tidak di jawab oleh responden di dalam borang soalselidik. Tetapi, 72% responden sudah mencukupi untuk mewakili jumlah populasi keseluruhan.

PENGUMPULAN DATA

Kaedah untuk mendapatkan data adalah satu faktor terpenting dalam penyelidikan ini. Untuk mendapat maklumat sebenar dalam penyelidikan ini, cara yang digunakan ialah dengan menemuduga para pelajar yang terlibat, iaitu dengan berpandukan kepada borang soalselidik yang disediakan. Kaedah analisis yang digunakan adalah cara analisis statistik mudah, iaitu melihat kepada peratusan, min (purata) dan korelasi (di mana mungkin) menggunakan SPSS.
Data-data yang diperolehi daripada para pelajar dianalisis untuk mempastikan data yang diperolehi adalah asli.

DAPATAN DAN ANALISA

Data-data soalselidik yang diperolehi dibincangkan di sini, menerangkan secara ringkas berkenaan para pelajar yang terlibat. Lebih tepat lagi, bahagian ini menerangkan ciri-ciri pelajar, latar belakang akademik mereka, umur dan latarbelakang akademik ibubapa, tahap penggunaan perpustakaan para responden, tahap perhubungan dengan pensyarah, kaedah pembelajaran para responden, penglibatan para responden dalam aktiviti ko kurikulum dan aktiviti sosial para responden.

Mengikut struktur pendidikan negara kita, umur yang lazim seseorang memasuki ke program Diploma di UiTM ialah 18 tahun. Hasil analisis menunjukkan taburan para pelajar yang terlibat dalam penyelidikan mengikut kumpulan umur dan kebanyakan umur responden adalah 20–21 tahun. iaitu 60.3%. Hasil analisis menunjukkan peratusan pelajar mendapat HPNG melebihi 3.00 semakin menurun dengan peningkatan umur.

Pecahan responden mengikut bahagian atau semester pengajian adalah 23.5% adalah pelajar di bahagian 2, 2.9% adalah pelajar di bahagian 3, 32.4 % pula mewakili pelajar di bahagian 4, seterusnya diikuti pelajar bahagian 5 sebanyak 10.3% dan juga bahagian 6 sebanyak 30.9%. Di dapati peratusan tinggi pelajar yang mendapat HPNG melebihi 3.00 adalah di bahagian empat iaitu sebanyak 32.4 %. Pada bahagian enam juga, peratusan agak baik iaitu 30.9 % iaitu kebanyakan pelajar telah mengambil lebih g 95 jam kredit dan mampu untuk tamat dengan HPNG 3.00. Jumlah jam kredit minima yang perlu di ambil untuk penganugerahan Diploma ialah 113jam kredit.

Responden-responden yang dipilih adalah sesuai untuk disoalselidik kerana hasil daripada penelitian yang dijalankan, pencapaian HPNG responden yang terendah adalah 3.00 dan yang tertinggi adalah 3.92 bagi peperiksaan Oktober 2000 dengan min 3.26, median 3.23 dan mod 3.23.

Seterusnya dibentangkan beberapa ringkasan analisis yang telah dijalankan oleh penyelidik dalam kajian ini, maklumat mengenai latarbelakang akademik dan latarbelakang akademik ibubapa para responden.

Dalam pengajian bidang kejuruteraan, pemahaman dan pencapaian dalam empat subjek iaitu Fizik, Kimai, Matematik dan Matematik Tambahan memainkan peranan penting untuk memastikan pelajar-pelajar terlibat mampu mengikuti program Diploma kejuruteraan atau sebaliknya. Hasil analisis mendapati bahawa pencapaian yang baik iaitu memperolehi kredit dalam empat subjek utama iaitu Fizik, Matematik Moden, Matematik Tambahan dan Kimia membantu dan berkaitan dengan pencapaian responden-responden di pengajian Diploma Kejuruteraan. Ini dapat dilihat daripada nilai min (purata) untuk setiap subjek (Matematik = 1, Matematik Tambahan = 5, Fizik =5 dan Kimia = 6). Pendedahan awal tentang konsep, cara pemikiran, teknik pembelajaran semasa mengikuti aliran sains

disekolah menengah banyak membantu pelajar-pelajar ini apabila mengikuti Program Diploma Kejuruteraan Elektrik.

Analisis yang diperolehi mengenai latarbelakang akademik ibubapa responden adalah lebih kurang sama. Hanya 17.6% daripada bapa responden-responden melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi selepas SPM manakala 5.9% ibu responden-responden melanjutkan pelajaran keperingkat yang lebih tinggi selepas SPM. Daripada ini, dapat disimpulkan latarbelakang akademik ibubapa tidak mempengaruhi pencapaian akademik yang baik yang telah diperolehi oleh responden-responden.

Soalselidik tentang **pengalaman perpustakaan** para responden dirumuskan dalam Jadual 1.1.

SOAL SELIDIK / PERATUSAN (%) RESPON	TIDAK PERNAH	KADANG-KADANG	KERAP	SANGAT KERAP
Penggunaan Perpustakaan Sebagai Tempat Mengulangkaji Pelajaran	5.9	70.6	22.1	1.5
Penggunaan Perpustakaan Sebagai Tempat Peminjaman Bahan	55.9	22.1	8.8	13.2
Penggunaan Perpustakaan Untuk Tujuan Tempahan Buku	33.8	10.3	26.5	29.4
Penggunaan Perpustakaan Sebagai Rujukan Soalan Peperiksaan Lalu	17.7	32.3	32.3	17.1
Kekerapan Meminta Bantuan Pembantu Perpustakaan Untuk Mencari Bahan Rujukan	55.9	35.3	8.8	0
Mencari Bahan Rujukan Lanjutan Seperti Yang Dicadangkan Di Dalam Bahan Kursus	10.3	70.6	17.6	1.5
Penggunaan Perpustakaan Mencari Bahan Bacaan Menarik Untuk Bacaan Tambahan	11.8	69.1	14.7	4.4
Penggunaan Perpustakaan Untuk Menyediakan Bibliografi Dalam Kerja Kursus Atau Laporan	35.3	41.2	20.6	2.9

JADUAL 1.1: ANALISIS MENGENAI PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN

Dapatan daripada soal-selidik ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kecenderungan yang agak tinggi menggunakan perpustakaan sebagai tempat untuk mengulangkaji pelajaran, tempahan buku dan rujukan soalan-soalan peperiksaan yang lalu. Sebaliknya, majoriti responden didapati tidak berkecenderungan untuk membuat peminjaman

bahan, membuat rujukan tambahan seperti yang dicadangkan di dalam bahan kursus, menggunakan khidmat pembantu perpustakaan untuk mencari bahan rujukan dan juga mencari bahan bacaan yang menarik sebagai bacaan tambahan.

Pensyarah selalunya adalah sumber inspirasi dan pendorong kepada pelajar-pelajarnya dan akan dikenang sepanjang hidupnya. Analisis mengenai **tahap hubungan para responden dengan pensyarah** dirumuskan dalam Jadual 1.2

SOAL SELIDIK / PERATUSAN (%) RESPON	TIDAK PERNAH	KADANG-KADANG	KERAP	SANGAT KERAP
Kekerapan Berbincang dengan Pensyarah Tentang Keperluan Kursus Yang Diambil	11.8	63.2	19.1	5.9
Kekerapan Berbincang Dengan Pensyarah Selepas Kuliah Untuk Menguatkan Pemahaman	5.9	73.5	13.2	7.4
Kekerapan Membuat Temu Janji Untuk Berjumpa Pensyarah Tentang Kursus	26.5	67.6	5.9	0.0
Kekerapan Mendapatkan Komen Pensyarah Mengenai Kerja Jursus Yang Diberi	20.6	63.2	16.2	0.0
Kekerapan Berbincang Masalah Peribadi Dengan Pensyarah	82.4	16.2	0.0	1.5

JADUAL 1.2: ANALISIS MENGENAI TAHAP HUBUNGAN DENGAN PENSYARAH

Hasil analisis menunjukkan kebanyakan respondan jarang berbincang dengan pensyarah atau ketua program tentang keperluan kursus yang diambil. Ini merupakan faktor penghalang dimana sepatutnya pelajar kumpulan ini sepatutnya sentiasa berbincang dan bertanya pensyarah-pensyarah tentang keperluan kursus mereka dengan lebih mendalam setiap semester. Hasil analisis tentang kekerapan berbincang dengan pensyarah selepas kuliah untuk menguatkan pemahaman juga kurang menggalakkan. Hasil analisis mengenai membuat temu janji dengan pensyarah juga kurang menggalakkan., kerana kebanyakan para responden jarang berjumpa pensyarah mereka. Hasil analisis menunjukkan 82.4% responden tidak pernah berbincang dengan pensyarah tentang masalah peribadi. Ini menunjukkan para responden kebanyakannya memilih untuk tidak berbincang dengan pensyarah jika ada masalah peribadi.

Seterusnya dibentangkan tentang **kaedah pembelajaran para responden** dalam Jadual 1.3 dibawah. Kaedah pembelajaran para responden dikaji daripada tiga aspek iaitu cara pembelajaran di dalam kelas, cara pembelajaran di luar kelas dan cara pembelajaran individu.

SOAL SELIDIK / PERATUSAN (%) RESPON	TIDAK PERNAH	KADANG-KADANG	KERAP	SANGAT KERAP
Kekerapan Mencatat Nota Di Dalam Kelas	0.0	7.4	35.3	57.4
Kekerapan Mendengar Dengan Penuh Perhatian Dan Teliti Di Dalam Kelas	0.0	10.3	67.6	22.1
Kekerapan Meringkaskan Nota Atau Bahan Bacaan	0.0	50.0	38.2	11.8
Kekerapan Membuat Bacaan Tambahan Mengenai Topik-topik Yang Di bincangkan Di dalam Kelas	5.9	73.5	19.1	1.5
Kekerapan Menerangkan Bahan Pembelajaran Kepada Rakan / Pelajar Lain	2.9	58.8	30.9	7.4
Kekerapan Menitikberatkan isi-isi penting dalam Bacaan atau Nota	0.0	23.5	54.4	22.1
Kekerapan Meringkaskan Isi-isi Penting Daripada Bacaan Atau Nota	1.5	41.2	44.1	13.2
Kekerapan Meneliti Bagaimana Konsep-konsep, Fakta-fakta dan Ide-ide Dihubungkaitkan	0.0	44.1	36.8	19.1
Kekerapan Memikirkan Tentang Aplikasi-aplikasi Praktik Mengenai Bahan-Bahan Pembelajaran	2.9	58.8	23.5	14.7
Menghafal Formula dan Istilah Penting	0.0	27.9	48.5	23.5

JADUAL 1.3: ANALISIS MENGENAI KAEDAH PEMBELAJARAN PARA RESPONDEN

Majoriti responden mengaku sangat kerap mencatat nota di dalam kelas dan mendengar dengan teliti di dalam kelas. Kedua-dua analisis ini merupakan faktor pendorong yang ada pada majoriti responden. Ini menunjukkan kebanyakan responden mengamalkan cara pembelajaran yang aktif dan sentiasa berusaha untuk mendapat yang terbanyak dan terbaik semasa di dalam kelas dan memberikan perhatian yang penuh. Tiada responden yang tidak pernah menitik beratkan isi-isi penting dalam bacaan dan nota. Disamping kerap menitik beratkan isi-isi penting dalam bacaan dan nota, majoriti responden kerap meringkaskan isi-isi penting daripada bacaan dan nota. Didapati para pelajar golongan ini meneliti bagaimana mengaitkan fakta-fakta dengan konsep yang mereka pelajari.

Universiti Teknologi Mara adalah sebuah pusat pengajian tinggi yang menitik beratkan pelajar-pelajarnya bukan sahaja perlu cemerlang dalam bidang akademik tetapi juga mempunyai sifat kepimpinan dan mampu bersosial secara sihat dan matang. Seterusnya dibentangkan mengenai

penglibatan responden dalam aktiviti di kolej dan di kampus dalam Jadual 1.4.

SOAL SELIDIK / PERATUSAN (%) RESPON	TIDAK PERNAH	KADANG-KADANG	KERAP	SANGAT KERAP
Kekerapan Menghadiri Sebarang Kegiatan Kolej, Persatuan, Kelab, JPM	5.9	51.5	38.2	4.4
Kekerapan Mengendalikan Projek Kolej, Persatuan, Kelab atau JPM	26.5	51.5	16.2	5.9
Kekerapan Menganggotai Sesebuah Jawatankuasa Kolej, Persatuan, Kelab atau JPM	23.5	58.8	14.7	2.9
Kekerapan Menemui Staf Universiti Berkaitan Aktiviti Yang Dikendalikan	48.5	38.2	11.8	1.5

JADUAL 1.4: ANALISIS MENGENAI PENGLIBATAN RESPONDEN DALAM AKTIVITI

Majoriti para reponden kurang aktif penglibatannya dalam aktiviti persatuan, kolej, kelab atau JPM, juga kurang aktif dalam mengendalikan sesuatu projek anjuran kolej, kelab, persatuan atau JPM. Penglibatan sebagai ahli jawatankuasa juga kurang. Interaksi dengan staf universiti juga amat jarang untuk membincangkan kendalian aktiviti.

Selain daripada empat perkara utama di atas, pergaulan responden dengan pelajar-pelajar lain dan tahap kerohanian para responden juga dikaji. Hasil analisis ialah majoriti responden kadang-kadang berbincang isu-isu berkaitan pelajar dan aktiviti pelajar dengan pelajar-pelajar lain dan menawarkan bantuan akademik kepada pelajar lain yang memerlukannya. Faktor pendorong yang diperolehi ialah kebanyakan para responden mampu berkomunikasi dan berinteraksi dengan rakan-rakan lain dengan baik. Analisis juga mendapati kebanyakan responden mampu menyiapkan kerja kursus tanpa selalu meminta pertolongan daripada pelajar-pelajar lain. Di dapati juga kebanyakan para responden lebih gemar belajar secara sendirian dan jarang belajar bersama dengan pelajar-pelajar lain dikolej. Selain itu didapati 48.6% para responden selalu menghadiri majlis-majlis agama dan tidak mementingkan akademik sahaja dan 51.5% kerap berbincang dengan rakan-rakan mengenai hal-hal agama dan kerohanian. Selain itu analisis mendapati kebanyakan responden kerap berkawan dengan pelajar-pelajar daripada program lain, mampu bergaul dengan pelajar yang mempunyai minat yang berbeza dan mempunyai rakan-rakan daripada IPT lain untuk mengetahui hal pengajaran dan pembelajaran di sana. Ini merupakan satu faktor positif di mana didapati majoriti para responden mampu bergaul dengan pelajar-pelajar daripada program lain, disebalik kekangan masa dan tuntutan akademik yang banyak. Hasil daripada analisis juga mendapati majoriti responden mempunyai minat yang tinggi mengenai peluang kerjaya, kewangan dan juga kerjaya mereka

dan menunjukkan minat yang tinggi dan mengikuti perkembangan berita semasa, tidaklah mereka ini hanya mementingkan akademik sahaja.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, didapati majoriti responden kurang membuat bacaan tambahan mengenai topik-topik yang dibincangkan di dalam kelas, majoriti responden juga kerap menghafal formula dan istilah teknikal dalam pembelajaran. Majoriti responden memiliki dan mengamalkan kaedah pembelajaran yang kurang sesuai secara individu walaupun kaedah yang diamalkan semasa pembelajaran di dalam kelas adalah baik. Cara pembelajaran begini adalah kurang sesuai kerana dalam bidang pengajian kejuruteraan aspek logik dalam pemahaman contoh adalah kaedah yang sepatutnya dan bukannya aspek penghafalan dan ingatan. Selain itu, penyelidik mendapati kebanyakan para responden kurang mencari bahan rujukan tambahan yang berkaitan kursus dan juga kurang membuat bacaan tambahan untuk menambah pengetahuan am mereka. Usaha harus dilakukan untuk lebih menggalakkan para pelajar menggunakan kemudahan perpusatkaan. Disini pensyarah-pensyarah perlu lebih memberi tugasan atau kerja kursus yang memerlukan rujukan-rujukan bahan atau buku-buku diperpustakaan. Tahap hubungan responden dengan pensyarah adalah kurang memuaskan dan sesuatu perlu dilakukan. Jurang diantara pensyarah dan pelajar harus didekatkan kerana hubungan sihat pelajar dan pensyarah mempunyai kaitan yang rapat dengan prestasi akademik. Didapati tahap penglibatan responden dalam aktiviti persatuan, kelab atau ko kurikulum juga kurang menggalakkan. Kehadiran dalam aktiviti-aktiviti keagamaan juga kurang menggalakkan. Pelajar-pelajar harus dicanang bahawa jika mereka tahu membahagi masa dengan baik, penglibatan dalam aktiviti-aktiviti yang disebut diatas tidak akan menjejaskan pencapaian akademik mereka. Kebanyakan responden telah ada 'road block' dalam minda mereka jika mereka aktif dalam aktiviti-aktiviti luar selain akademik kemungkinan besar prestasi akademik akan terjejas. Ini adalah antara dapatan-dapatan yang mendukacitakan penyelidik. Disamping itu, terdapat juga dapatan-dapatan yang baik yang menggembirakan penyelidik. Didapati kebnayakan para responden mampu bergaul dengan pelajar-pelajar lain dengan baik dan juga membantu rakan-rakan lain yang memerlukan bantuan berkaitan akademik. Walaupun para responden kebanyakannya jarang menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan, tetapi majoriti para responden kerap membaca majalah, buku, artikel atau akhbar berkaitan agama dan berbincang dengan rakan-rakan mengenai soal agama dan kerohanian. Ini menunjukkan para responden mempunyai nilai-nilai kerohanian yang tinggi. Majoriti para responden juga didapati pandai bersosialisasi. Tetapi kebanyakan para responden lebih gemar memilih untuk belajar secara sendirian dan tidak secara berkumpulan. Belajar secara berkumpulan ada baiknya, jika pelajar-pelajar kurang faham sesuatu dalam kursus yang diambil, pelajar-pelajar boleh menambah pemahaman melalui perbincangan dengan rakan-rakan lain dalam kumpulan tersebut. Pelajar-pelajar juga boleh mengukur lebih awal dimana kedudukan mereka kerana perbincangan secara kumpulan biasanya pelajar-pelajar yang kerap menyumbang penerangan menunjukkan pelajar-

pelajar tersebut memahami isi kandungan kursus tersebut. Ia juga akan menanam rasa 'ingin berlumba' apabila mengetahui pelajar-pelajar lain lebih baik. Selain itu dapatan-dapatan yang positif ialah para responden mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kerjaya dan sentiasa mengikuti perkembangan semasa. Ini menunjukkan disamping sibuk dengan akademik pelajar-pelajar masih tahu pentingnya mengetahui isu-isu semasa agar tidak ketinggalan. Akhirnya, beberapa faktor-faktor positif dan negatif yang diperolehi daripada penyelidikan in memberitahu kita perhatian masih harus diberikan kepada pelajar-pelajar golongan cemerlang ini untuk memastikan prestasi mereka ini lebih cemerlang lagi. Usaha harus dilakukan oleh pensyarah-pensyarah dan pihak universiti agar pelajar-pelajar golongan ini dapat berbakti kelak kepada negara dengan sebaik-baiknya.

RUJUKAN

Mohd Taib Osman, *'Kecemerlangan Akademik: Pensyarah atau system universiti?'*, http://www.dbp.gov.my/dbp98

WR Callen.*'Statistical Analysis of students' performance in new engineering science core courses'*, http://fre.www.ecn.purdue.edu

'Tips for Assessing Students' Performance', http://www.queensu.ca/idc